



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi perkara berikut :-

<b>NO. &amp; TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>TARIKH, MASA &amp; TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>	
<p><b>MPOB(SH/EIPM/BSRD) 15/2024</b></p> <p><b>MEMBEKAL, MENGHANTARSERAH DAN MENGUJICUBA KOMPUTER RIBA UNTUK KEGUNAAN UNIT ENTOMOLOGI DAN PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU DI STESEN PENYELIDIKAN MPOB SESSANG, SARAWAK DAN STESEN PENYELIDIKAN MPOB LAHAD DATU, SABAH MENGIKUT PAKEJ SEPERTI YANG BERIKUT :</b></p> <p><b>PAKEJ A : 3 UNIT KOMPUTER RIBA – LENOVO ATAU SEUMPAMA DENGANNYA</b></p> <p><b>PAKEJ B : 1 UNIT KOMPUTER RIBA BERSPEKIFIKASI TINGGI – ASUS ATAU SEUMPAMA DENGANNYA</b></p>	<p><b>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:</b></p> <p>26 Disember 2024 (Khamis) hingga 2 Januari 2025 (Khamis)</p> <p><b>Masa:</b></p> <p>9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 2.00 petang hingga 4.00 petang</p> <p><b>Tempat:</b></p> <p>Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 603-8769 4524</p>	<p><b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:</b></p> <p>210101 : <i>Hardware (Low End Technology) – Supply All Types of Computer Hardware Including PC, Notebook, Printer, Document Scanner, Peripherals And Maintenance</i></p> <p><b>atau</b></p> <p>210102 : <i>Hardware (High End Technology) – All Types of Server, Mainframe, High End Printers, Storage Area Network Software (SAN, NAS) Including Maintenance</i></p> <p><b>atau</b></p> <p>210103 : <i>Software – Supply All Computers Software, Operating System, Database, Off- The-Shelf Packages Including Maintenance.</i></p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada)</p>	<p><b>Mengenai Dokumentasi Kewangan</b></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab:</p> <p>Cik Nor Ain binti Leas (03-87694826)</p> <p><b>Mengenai Spesifikasi /Teknikal</b></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab:</p> <p>Dr. Saharul Abillah bin Mohamad (083-436252 / 011-52851988)</p>

1. **Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan** mulai **26 Disember 2024 (Khamis) sehingga 2 Januari 2025 (Khamis)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.
2. **Syarikat wajib berdaftar sebagai pembekal/kontraktor MPOB yang sah melalui Portal Pendaftaran Pembekal MPOB dengan melayari laman sesawang <https://vendor.mpob.gov.my>. Pendaftaran yang lengkap termasuk pembayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan SEBELUM syarikat mengembalikan dokumen tawaran sebut harga pada tarikh tutup sebut harga yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila majukan pertanyaan kepada [perolehan@mpob.gov.my](mailto:perolehan@mpob.gov.my) atau hubungi di talian 03-87693948 (Pn. Nur Farahanis) /03-87694267 (Pn. Siti Khadijah).**

3. **Hanya penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga**, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
5. Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **9 Januari 2025 (Khamis), pukul 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**(Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan)**